

17 JUN 2000

MCA-Bahas

JANGAN BERI GAMBARAN SALAH MENGENAI PARTI, KATA PERWAKILAN MCA

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Pucuk pemimpin MCA diminta menyelesaikan segera masalah politik yang melibatkan pemimpin parti itu serta memastikan ia tidak berulang, kerana ia boleh memberi gambaran kurang baik kepada pengundi dan parti.

"Jangan biarkan pengundi kita mendapat gambaran silap bahawa pemimpin MCA hanya berminat berebut jawatan dalam kabinet," kata perwakilan Terengganu, Chua Chin Biau ketika membahaskan ucapan presiden parti pada Perhimpunan Agung MCA ke-47 di Dewan San Choon di sini, hari ini.

Beliau berkata, barisan pelapis MCA perlu mengubah senario tersebut agar terus mendapat sokongan daripada masyarakat Cina dan mengukuhkan parti itu.

Beliau juga meminta isu pemilihan pelapis parti tahun 2002 ditentukan oleh para perwakilan, bukannya pemimpin tertinggi MCA.

Perwakilan Wilayah Persekutuan, Chen Yoke Ying pula, meminta pemimpin MCA supaya tidak hanya pandai membuat kenyataan dan teguran yang mengejutkan, tetapi tidak menepati janji-janji.

Beliau berkata anggota MCA di peringkat akar umbi mahu melihat pemimpin yang merendah diri dan senang didampingi sama seperti sebilangan menteri kabinet MCA yang telah menjalankan tugas dengan baik.

"Tetapi mereka yang menyibar khabar angin adalah mereka yang membuat khabar angin itu sendiri. Perkataan saya ini memang keras dan pedas, tetapi seperti ubat, niatnya adalah baik," kata beliau.

Chong dukacita dan menyifatkan sesetengah pemimpin MCA seolah-olah meanak-tirikan ahli.

"Walaupun kebanyakan pemimpin MCA tinggal di Wilayah Persekutuan tetapi mereka tidak melihat "penat-lelah" kami dan kami juga jarang dapat berjumpa mereka (pemimpin)," katanya.

Wakil Kelantan, Yong Soo Theng, membangkitkan sifat buruk DAP dan sekutunya Pas seperti kata pepatah Melayu "lembu punya susu sapi dapat nama."

Beliau mendedahkan bagaimana DAP menyebarkan maklumat kononnya tempat ibadat orang Cina yang ada di Kelantan didirikan oleh pembangkang dan bukan Barisan Nasional.

Wakil Pulau Pinang, Tan Cheng Liang, menceritakan persidangan apabila membangkitkan isu jawatan Perdana Menteri daripada bukan orang Melayu seperti yang disebut oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa merasmikan mesyuarat itu pada sebelah pagi.

"Jika rakan lelaki kita tidak mahu berusaha merealisasikan, biar kita kaum wanita melakukannya," katanya sambil di sambut gelak ketawa.

Beliau juga mahukan pucuk kepimpinan mencari jalan agar lebih banyak wakil MCA dilantik dalam pertubuhan-pertubuhan dan agensi kerajaan negeri Pulau Pinang.

Beliau kesal kerana kebanyakan wakil parti politik BN dalam agensi kerajaan di Pulau Pinang terdiri dari anggota Gerakan.

--BERNAMA

ram zb